



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2023



ISI KANDUNGAN



- 6,140,012 JUTA PELANCONG LAWAT PUTRAJAYA SEHINGGA MEI 2023 3

- SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023 MERIAH 4-5

- PPJ RAIH DUA ANUGERAH ANTARABANGSA DI MALTA 6

- 4,000 PESERTA DARI 30 NEGARA SERTAI POWERMAN DI PUTRAJAYA 7

- PPJ RAI 30 PEMENANG PUTRAJAYA URBAN BIODIVERSITY CHALLENGE 2023 8

- 5,000 PESERTA BERKAYUH DI PBNR 2003 9

- PPJ LANCAR KEMPEN BERSIHKAN MEJA SELEPAS MAKAN 10

- PROGRAM SANTAI PPJ - MEDIA MERIAH 11

- PPJ ANJUR PROGRAM TUISYEN BUAT 90 PELAJAR SPM 2023 12

- HIKING DENAI SEMULA JADI DI TAMAN RIMBA ALAM 13

- SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2023 14

- KARNIVAL KOMUNITI DAN PESTA AIR PUTRAJAYA 2023 19

- PPJ PROMOSI PRODUK PELANCONGAN KE PASARAN OCEANIA 20

- FESTIVAL BUDAYA PUTRAJAYA 2023 21



PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

6,140,012 Juta Pelancong Lawat Putrajaya Sehingga Mei 2023

Perbadanan Putrajaya (PPj) memantapkan lagi usaha dalam mempromosikan sektor pelancongan selari dengan visi ke arah Putrajaya Mampan 2025 dan Global City 2040 menerusi penganjuran Putrajaya Travel Fair (PTF) 2023 yang diadakan di Angsana Johor Bahru Mall.

Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud menyatakan program dengan kerjasama Tourism Malaysia serta rakan-rakan strategik produk pelancongan Putrajaya tersebut merupakan peluang terbaik untuk mempromosikan daya tarikan serta keunikan yang terdapat di pusat pentadbiran negara Malaysia.

Putrajaya mempunyai identiti tersendiri dengan seni bina bangunan menarik, jambatan ikonik, seni bandar dan landskap yang terancang. Selaras dengan konsep pembangunan bandar raya dalam taman, pembangunan Putrajaya secara langsung mempunyai potensi pelancongan yang baik serta perlu dipromosi dengan strategi yang berkesan menerusi persepakatan kerjasama bersama agensi awam, swasta, komuniti serta para pengusaha pelancongan tempatan.

Putrajaya telah mencatatkan kehadiran seramai 6,140,012 pelancong, pelawat dan pengunjung acara setakat bulan Mei 2023 berbanding 4,969,793 pada tahun 2022. Peningkatan sebanyak 23.6% ini adalah satu pencapaian yang dapat memberi semangat kepada semua penggiat industri pelancongan Putrajaya dan juga motivasi kepada pihak PPj sendiri.

PPj mengharapkan sektor ini akan terus berkembang maju dan secara langsung pelancongan Putrajaya dapat menyumbang ke arah merencanakan lagi percutian domestik negara dengan merangkumkan Putrajaya sebagai salah satu destinasi cuti-cuti Malaysia.

PPj turut menyiapkan Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 bagi

memantapkan lagi hala tuju dan inisiatif serta promosi pelancongan Putrajaya. Terdapat sebanyak 48 pelan tindakan inisiatif pelancongan yang akan dan perlu dijayakan bersama dengan semua pengusaha pelancongan, agensi awam serta swasta dan juga komuniti setempat. Semua program dan inisiatif yang dilaksanakan merupakan sasaran merealisasikan Putrajaya sebagai Destinasi Mesti Dilawati (A Must Visit Destination) dalam percutian pelawat domestik dan juga destinasi pelancongan antarabangsa.

Dalam masa sama, PPj berharap mampu mewujudkan dan mengumpul lebih banyak lagi penyertaan 'tourism product owners' Putrajaya dalam menjayakan program seumpamanya demi memantapkan sektor pelancongan Putrajaya. Selain itu, pihak PPj dengan kerjasama Tourism Malaysia juga turut menganjurkan Program Putrajaya Travel Mart yang berkonsepkan Business To Business (B2B) dengan mempertemukan pengendali pelancongan dari Putrajaya bersama pembeli berpotensi dari Johor, Singapura dan Batam bertujuan mempromosikan destinasi, produk serta pakej-pakej pelancongan kepada kira-kira 80 wakil agensi pelancongan dan industri.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk merencanakan promosi pelancongan dan menawarkan tarikan-tarikan terbaharu di Putrajaya yang meliputi produk ekopelancongan, agropelancongan, gastronomi dan segmen pelancongan minat khas.



Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Meriah

Acara sempena kemerdekaan negara ke-66 bermula dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Baginda kemudiannya berkenan memeriksa kawalan kehormatan utama.

Disusuli lintasan hormat daripada lima buah helikopter yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam melambangkan 14 negeri dalam Malaysia. Lagu Negaraku berkumandang berserentak dengan acara menaikkan Jalur Gemilang, diiringi oleh Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Sambutan yang berlangsung di Dataran Putrajaya Presint 3, dimeriahkan dengan pelbagai persembahan serta perarakan daripada 67 kontinjen. Mereka mewakili pelbagai agensi kerajaan, pasukan keselamatan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor swasta.

Sejurus keberangkatan Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah di pentas diraja, lima pesawat iaitu tiga helikopter Airbus H225M (EC 725), AgustaWestland AW109 (Agusta A109) dan Helikopter Operasi Maritim (HOM) AW 139 melakukan terbang lintas diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan Negaraku.

Seri Paduka kemudian menerima Tabik Hormat Diraja dan berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota diketuai Mejar Mohd Ridhwan Mohd Asri.

Ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diiringi paluan gendang dan disahut laungan "Malaysia MADANI" sebanyak tiga kali, bergema di Dataran Putrajaya yang kali terakhir menjadi hos sambutan Hari Kebangsaan pada 2019. Turut hadir, dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri-menteri Kabinet termasuk Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil, diplomat dan perwakilan asing serta dif-dif kenamaan menghadiri sambutan Hari Kebangsaan 2023.

Sebagai langkah mempromosi warisan batik Malaysia, Jemaah Menteri dan tetamu kehormat

memperagakan batik khas bermotifkan bunga raya dan belang Harimau Malaya rekaan Kraftangan Malaysia.

Acara sambutan yang melibatkan 17,262 peserta, 67 kontinjen, 36 kumpulan pancaragam, 534 aset darat dan aset udara serta 100 ekor haiwan dalam perkhidmatan, turut disiarkan dan diikuti jutaan rakyat Malaysia secara langsung melalui kaca televisyen dan laman media sosial.

Mendahului acara sambutan Hari Kebangsaan 2023 dengan nyanyian lagu Negaraku seiring dengan acara menaikkan Jalur Gemilang, serentak kedengaran 14 das tembakan kehormatan, simbolik kepada 14 negeri di Malaysia, dilaksanakan 41 Bateri Istiadat Rejimen Artileri Diraja diketuai Lt Kol Mohamad Asri Che Wil. Diteruskan dengan bacaan ikrar Rukun Negara oleh ikon sukan Muhammad Haikal Roslan yang merupakan pemenang pingat emas bawah 25 tahun perseorangan Kejohanan Asian Bowls ke-12 2023 mengetuai 66 pembaca ikrar yang terdiri daripada pelbagai kaum serta menonjolkan elemen perpaduan. Lebih istimewa, 36 daripada pembaca ikrar itu melafazkan ikrar berkenaan menggunakan bahasa isyarat, seterusnya diikuti dengan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali.





Menyemarakkan suasana sambutan, hadirin disajikan dengan persembahan lagu tema “Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan” ciptaan Affan Mazlan dan digubah Datuk Mokhzani Ismail serta formasi manusia dengan kibaran bendera pelbagai warna berdasarkan lagu itu ditampilkan 1,500 pelajar sekolah dari Lembah Klang.

Bagi segmen perpaduan dan kesejahteraan, penonton dipersembahkan dengan lagu “Kurik Kundi” olahan baharu nyanyian beberapa artis iaitu Nadeera Zaini yang mewakili kaum Melayu di Semenanjung, Suki Low (kaum Cina), Roshini Balachandran (kaum India), Zizi Kirana (masyarakat Sabah) dan Hazraniza Dollah (masyarakat Sarawak) yang menandakan penyatuan rakyat.

Seterusnya persembahan dari aksi pasukan Akrobatik Motosikal Tentera Darat iaitu Army Red Warrior, antaranya menampilkan lompatan bermotosikal merentasi 66 motosikal model Royal Enfield dilakukan Sarjan Saidatul Husna Kamaruddin yang menggunakan Kawasaki Scrambler 250cc serta pemilihan 66 motosikal secocok dengan ulang tahun kemerdekaan ke-66 tahun negara. Dataran Putrajaya bergemuruh memberi penghormatan kepada Saidatul Husna yang merupakan ‘birthday girl’ hari ini termasuk daripada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang sama-sama berdiri dan bersorak.

Segmen cabaran dan ketangkasan pula mengetengahkan kemahiran anggota pasukan 69 Komando Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan aksi terjun tepat dari ketinggian 4,000 meter yang kemudiannya mempunyai tempoh hanya beberapa saat untuk membuka payung terjun sebelum

mendarat di hadapan khemah utama, sebelum berjaya mendarat di hadapan khemah utama walaupun berdepan cabaran permukaan jalan yang licin berikutan hujan sejak awal pagi.

Pada sambutan kali ini, persembahan khas Gegar MADANI disertai kira-kira 800 penari dan 600 pelajar sekolah di samping irama pukulan gendang daripada 400 pemain gendang pelbagai kaum melatari persembahan tersebut.

Perbarisan dan perarakan sambutan Hari Kebangsaan tahun 2023 terdiri daripada Kontinjen Kenegaraan, Perpaduan Malaysia MADANI, Ekonomi, Perbankan, Telekomunikasi, Industri Kreatif dan Penyiaran, Sukan Negara, Kesejahteraan dan Keselamatan Negara.

Mendahului kontinjen kenegaraan ialah perarakan pancaragam Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA) diikuti kontinjen pembawa Jalur Gemilang bersaiz 24.4 meter x 12.2 meter oleh 100 pegawai kadet Akademi Latihan Ketenteraan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), dan disusuli perarakan 334 pembawa Jalur Gemilang.

Turut menarik perhatian, perarakan kontinjen Perpaduan Malaysia MADANI yang dianggotai 400 peserta daripada pelbagai kaum dan etnik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan memperagakan pakaian pelbagai etnik di negara ini, diterajui Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Mohamad Sobri Mat Daud.

Perbarisan kontinjen ekonomi pula disertai pelbagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat korporat terkemuka yang berperanan dalam memacu ekonomi negara termasuk Petronas, DRB HICOM dan FGV Holdings Bhd.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri yang turut menyertai perbarisan kontinjen ekonomi memperagakan model-model kenderaan elektrik antaranya Proton X90 Hybrid, Perodua Ativa Hybrid, GWM Ora Good Cat dan Tesla Model Y Performance, selari komitmen kerajaan dalam membangunkan industri automotif termasuk kenderaan elektrik dan komponen.

Watak siri animasi popular Malaysia termasuk Mechamoto, Ejen Ali, Boboiboy dan Didi turut menyerikan lagi sambutan tahun ini dengan pelbagai aksi menerusi perarakan kontinjen industri kreatif dan penyiaran, manakala Agrobank tampil dengan perarakan 30 kereta antik.

Atlet sukan yang mengharumkan nama negara pada pelbagai temasya antarabangsa juga tidak ketinggalan turut serta pada perarakan sambutan Hari Kebangsaan 2023 ini.



PPj Raih Dua Anugerah Antarabangsa Di Malta

semula jadi (nature-based solution) untuk meningkatkan kualiti alam sekitar, kesihatan dan kesejahteraan ke arah meningkatkan kualiti hidup penduduk Putrajaya juga telah berjaya menambat hati juri dan diberi pengiktirafan.

Anugerah ini secara langsung membuktikan pencapaian tasik dan wetland Putrajaya sebagai lokasi unggul untuk aktiviti sukan dan rekreasi air, tapak dan prasarana sokongan bagi pelaksanaan aktiviti kebudayaan, ekonomi dan ekopelancongan, tapak pembersihan bahan cemar, tapak kajian, tapak pendidikan luar bilik darjah, lokasi penyelidikan dan pendidikan ilmiah serta tapak penanda aras pengurusan badan air di peringkat antarabangsa.

Selain itu, wetland juga berperanan penting sebagai struktur penebat banjir, tapak penuaian air hujan skala bandar, berfungsi sebagai sinki karbon, habitat pelbagai fauna serta bank genetik tumbuhan.

Penyertaan PPj dalam LivCom Awards adalah tidak asing lagi kerana pada tahun 2012, PPj berjaya menggondol tiga anugerah menerusi Whole City Awards (Category C: Population 75,001-150,000) dan Project Awards (Natural Category) yang diadakan di Al Ain, United Arab Emirates.

LivCom Awards pada tahun 2023 telah mempertandingkan tiga kategori utama iaitu Whole City Award, Project Award dan Technology and Solution Award yang mana sebanyak 22 bandar serta 33 projek dari 24 buah negara telah disenarai pendek daripada 230 penyertaan yang telah diterima untuk dipertandingkan di pusingan akhir.

Antara negara-negara yang layak ke peringkat akhir adalah Malaysia, Poland, Portugal, Chinese Taipei, Mesir, Slovenia, PR China, Turkiye, Filipina, Spain, Bangladesh, UAE, Albania, Italy, India, Jerman, Hungary, Mexico, Nepal, Herzegovina, Latvia dan United Kingdom.

Tema tahun 2023 sangat istimewa kerana ianya memberi penekanan terhadap komponen projek yang menyumbang kepada pencapaian sesebuah bandar mesra warga emas.

Prestasi cemerlang Perbadanan Putrajaya (PPj) diiktiraf di Valletta, Malta apabila projek kendaliannya menerima dua Anugerah Perak (Silver Awards) di The 21st International Awards for Liveable Communities (LivCom Awards) 2023 baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, anugerah yang diterima pihaknya adalah di bawah dua kategori iaitu Whole City Award bagi Single City Category menerusi Projek Putrajaya Command Centre (PCC): A Holistic and Collaborative Approach to a City Command Centre serta Environmental Sustainability Project Awards menerusi Projek Putrajaya Lake and Wetland – a Nature-based Solution for Improving Environmental Quality, Health and Wellbeing.

Bagi PCC, ia menjadi satu kebanggaan memandangkan projek ini merupakan satu-satunya pemenang di bawah kategori Whole City Award bagi Single City Category sekali gus sebagai satu pengiktirafan dunia terhadap Malaysia dan Putrajaya khususnya dalam pembangunan bandar pintar bertaraf dunia. PCC juga berjaya membuktikan bagaimana teknologi serta kepakaran tempatan mampu menghasilkan satu penyelesaian bandar pintar yang inklusif dan diiktiraf dunia. Anugerah ini merupakan anugerah antarabangsa pertama yang telah diterima oleh PCC sejak ia mula beroperasi pada tahun 2018.

Terdahulu, PCC pernah menerima Anugerah Emas di dalam kategori Innovation Planning daripada Malaysia Institute of Planning (MIP) di peringkat kebangsaan bersempena MIP Planning Excellence Awards 2022.

PPj turut membangunkan tasik dan wetland Putrajaya sebagai pendekatan berasaskan alam



POWER MAN
MALAYSIA 2023



4,000 Peserta Dari 30 Negara Sertai Powerman Di Putrajaya

Powerman Malaysia Duathlon 2023 menyaksikan penyertaan tertinggi dengan membabitkan atlet elit, amatir dan junior sekaligus mengekalkan statusnya sebagai acara duathlon terbesar dunia.

Menurut Pengarah Urusan Fresh Events Asia Sdn Bhd, Jeffrey Ross, acara selama dua hari itu menampilkan seramai 4,000 peserta dari 30 buah negara termasuklah Singapura, Thailand, Jepun, Perancis, Kenya, Hong Kong, United Kingdom dan Filipina.

Sambutan hangat yang diterima bagi edisi kali ini menampilkan penyertaan daripada pelbagai demografik peserta. Penyertaan kali ini adalah lebih menyeluruh dengan membabitkan pelbagai lapisan usia, kerakyatan serta latar belakang peserta.

Lebih menarik, laluan baharu yang direka sepanjang 80 kilometer (km) di Putrajaya menanti peserta yang jelas perlu berada pada tahap terbaik untuk menghadapi cabaran beraksi dalam cuaca yang agak panas. Selain daripada kategori larian lelaki elit, pengenalan kategori larian wanita elit turut menyemarakkan lagi acara berkenaan dengan tawaran hadiah keseluruhan yang berjumlah lebih RM23,000.

Sebagai rekod, penganjuran acara tersebut bertujuan untuk mewujudkan suasana yang inklusif serta merapatkan jurang antara atlet profesional dan atlet biasa yang memiliki

semangat keceriaan serta ketahanan sukan. Dengan menyertai acara ini sebagai peserta ataupun pemerhati, secara tidak langsung mereka boleh terlibat dalam banyak acara termasuklah pameran kesihatan, bengkel interaktif dan peluang berhubung bersama pakar industri serta atlet terkemuka.

Edisi pada tahun 2023 ini menyaksikan Moysan Malo dari Perancis memenangi tempat pertama bagi kategori lelaki elit dengan mencatat masa keseluruhan 02:40:45 dan pemenang wanita elit pula diungguli oleh Mary Joy Tupa dari Filipina dengan catatan masa keseluruhan 03:13:34.





Manakala dua kategori lagi terbahagi kepada flora dan fauna bagi 'Most Species Capture' di mana pemilihan pemenang adalah berdasarkan peserta yang telah memuat naik bilangan gambar pemerhatian flora atau fauna yang tertinggi mengikut kategori masing-masing.

Seramai 10 orang pemenang telah dipilih bagi setiap kategori yang mana juara pertandingan membawa pulang wang tunai bernilai RM500, RM400 bagi naib juara, manakala tempat ketiga RM300 dan hadiah suguhati pula sebanyak RM100 bagi setiap kategori dan masing-masing turut membawa

PPj Rai 30 Pemenang Putrajaya Urban Biodiversity Challenge 2023

Perbadanan Putrajaya (PPj) meraikan 30 orang peserta yang dinobatkan sebagai pemenang Putrajaya Urban Biodiversity Challenge (PUBC) 2023 bertempat di Bilik Anggerik, Kompleks PPj, Presint 3, Putrajaya pada Isnin.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud, penganjuran program di bawah inisiatif Bandar Hijau Putrajaya itu adalah selaras dengan tindakan di bawah Putrajaya Climate Action Plan 2030 iaitu tema tindakan 'Blue and Green: Conduct Continuous Enhancement of Urban Biodiversity'.

PUBC diadakan bertujuan untuk meningkatkan kepekaan dan ilmu pengetahuan orang awam terhadap biodiversiti bandar iaitu flora dan fauna yang wujud di persekitaran kita. Dengan penggunaan aplikasi iNaturalist sebagai platform penyertaan program, orang awam dapat melibatkan diri secara mudah dalam PUBC semasa memuat naik gambar pemerhatian (observation).

Mengikut rekod, lebih daripada 1,000 spesies flora dan fauna telah dikenal pasti oleh peserta khususnya di kawasan Putrajaya. Seramai 62 peserta telah menyertai pertandingan ini dan sebanyak 9,615 gambar pemerhatian telah diterima untuk penilaian.

Kesemua peserta merebut hadiah bagi tiga kategori yang dipertandingkan iaitu 'Most Observation Capture' di mana pemilihan pemenang adalah berdasarkan peserta yang telah memuat naik bilangan gambar pemerhatian yang tertinggi.

pulang sijil pertandingan.

Adalah menjadi harapan PPj bahawa penganjuran program serta jalinan kolaborasi bersama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan agensi-agensi pakar ini dapat diteruskan untuk merealisasikan tindakan yang telah digariskan dalam Putrajaya Climate Action Plan 2030.

Dengan penganjuran PUBC ini diharapkan dapat menggalakkan komuniti serta orang awam supaya lebih mengenali biodiversiti bandar selain kepentingan mengekalkan kemampanan Putrajaya yang merupakan habitat kepada flora dan fauna yang menarik.

Penganjuran PUBC 2023 ini mendapat sokongan daripada rakan strategik PPj iaitu NRECC dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).



5,000 Peserta Berkayuh Di PBNR 2023

Aktiviti berbasikal bukanlah baharu, malah sejak beberapa tahun lalu, sukan tersebut sering diadakan menggunakan laluan mencabar seperti bukit, hutan serta jalanraya, manakala bagi mereka yang ingin bersantai akan memilih taman rekreasi.

Sehubungan itu, Putrajaya menjadi salah satu lokasi pilihan dalam kalangan peminat sukan berbasikal di mana mereka juga dapat menikmati panorama indah terutama pada waktu malam dan bagi merencanakan lagi aktiviti tersebut, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan kerjasama Syarikat Red Adventure mengadakan Putrajaya Bridge Night Ride (PBNR) 2023 yang bertempat di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya pada Sabtu lalu.

Memasuki edisi ke-7 tahun ini, PBNR kali ini melibatkan penyertaan seramai 5,000 peserta. Ia melibatkan acara kayuhan sejauh tujuh kilometer (km), 12 km, 20 km dan 30 km. Untuk acara kayuhan bagi kategori 7 km, ia turut disertai oleh tetamu kehormat, tetamu jemputan, rakan media dan barisan selebriti tempatan seperti Izham Ismail, Ezlynn, Amir Ukays, Salman JKKK dan ramai lagi.

Melalui acara ini, para peserta diperkenalkan dengan laluan basikal yang disediakan oleh pihak PPj iaitu Putrajaya Cycling Route yang menyediakan laluan berbasikal selamat untuk dilalui terutama pada waktu malam. Program yang bermula dari jam 8 dan berakhir jam 12 malam adalah bertujuan untuk merencanakan industri pelancongan di Putrajaya melalui pelancongan sukan.

PBNR 2023 merupakan acara istimewa (signature event) berbasikal santai pada waktu malam yang terbesar di mana peserta akan merentasi sembilan buah jambatan ikonik di Putrajaya yang mana reka bentuk binaan jambatan yang dilimpahi dengan cahaya lampu pada waktu malam akan memberikan peluang kepada para peserta untuk merakam gambar-gambar menarik di media sosial.

Setiap peserta kayuhan turut menerima 'Cycling Kit' yang terdiri daripada t-shirt -eksklusif acara, medal dan juga snek ringan selain hadiah cabutan

bertuah bernilai lebih RM30,000.

PBNR 2023 turut menganjurkan Putrajaya Cycling Fest sebagai acara sampingan berbentuk karnival berkonsepkan rekreasi sukan santai keluarga. Terdapat pelbagai pengisian program antaranya pameran outdoor serta rekreasi, booth produk pelancongan, demo dan klinik basikal BMX, skateboarding, sesi perkongsian pengalaman daripada ikon basikal dan pengembara basikal, pameran dan fun ride basikal tua, zon aktiviti kanak-kanak, persembahan seni budaya serta pentas oleh artis jemputan dan banyak lagi.





PPj Lancar Kempen Bersihkan Meja Selepas Makan

Amalan membersihkan meja selepas makan boleh memupuk budaya sopan santun selain mengelak masalah bawaan penyakit akibat kotoran yang tertinggal.

Justeru, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah melancarkan Kempen Bersihkan Meja Selepas Makan di seluruh restoran-restoran di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut.

Majlis pelancaran disempunakan Presiden PPj, Dato' Fadlun bin Mak Ujud bertempat di Kafeteria Rampai Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, Puan Norzita binti Abdul, kempen tersebut melibatkan 480 buah premis makanan di Putrajaya termasuk pengusaha restoran, kedai makan, kantin sekolah dan juga kafeteria pejabat.

Kempen ini penting bagi menjadikan Putrajaya sebuah bandar yang bersih di setiap tempat selain membudayakan amalan membersihkan sendiri meja selepas makan di restoran-restoran seluruh Putrajaya. Kerjasama dan komitmen daripada pemilik premis diperlukan dalam memastikan penyediaan tempat atau perkakasan bagi memudahkan pengunjung mengemas sendiri meja makan mereka.

Pelancaran kempen ini diyakini dapat membuahkan hasil sekali gus setanding dengan negara-negara maju, selain menyahut seruan

kempen Putrajaya Bersih Setiap Tempat (BeST). PPj berharap inisiatif dan nilai-nilai murni ini dapat diterapkan dalam kalangan komuniti, pengunjung dan warga Putrajaya.

Sementara itu, bilangan premis makanan di Putrajaya meningkat sejak kebelakangan ini, susulan pembukaan lokasi perniagaan baharu dan faktor pengembangan perniagaan semasa di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 480 premis makanan beroperasi di Putrajaya pada tahun 2023, berbanding hanya 173 pada tahun 2007 (peningkatan 177 peratus).

Seiring dengan peningkatan tersebut, wajarlah pelbagai pendekatan diambil oleh PPj bagi memastikan tahap premis makanan berada dalam keadaan yang bersih.



Program Santai PPj - Media Meriah



Sebanyak 1,122 liputan mengenai PPj dan Putrajaya direkodkan menerusi media cetak dan media elektronik dengan Nilai Persamaan Iklan (AVE) sebanyak RM4.87 juta.

PPj amat menghargai peranan dan sumbangan media dalam menyebarkan maklumat berhubung polisi, dasar dan hala tuju PPj sekali gus merapatkan lagi jurang hubungan di antara pengurusan atasan PPj dengan masyarakat serta pemegang taruh di Putrajaya.

Lebih dari 20 pengamal media pelbagai agensi yang bernaung di bawah Kelab Media Putrajaya menyertai program 'fun race' anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj), pada 15 Julai 2023.

Program yang berlangsung di Pusat Rekreasi Air, Taman Wetland Putrajaya, Presint 1 berkonsepkan santai di samping mendedahkan kumpulan media dengan produk pelancongan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Majlis bermula dari jam 8 pagi turut disertai warga PPj dan majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Presiden PPj, Dato' Fadlun bin Mak Ujud.

Program yang bertemakan 'ala kampung' ini dibahagikan kepada sembilan kumpulan media di mana setiap kumpulan dikehendaki melengkapkan lima tugas iaitu berkayak, kukur kelapa, boling kelapa, lastik botol dan tarik upih kelapa.

PPj turut mengucapkan terima kasih kepada rakan media kerana membantu mempromosikan Putrajaya terutama dalam setiap penganjuran aktiviti dan program pelancongan. Semoga hubungan baik antara PPj dan media dapat diteruskan dalam program-program anjuran PPj pada masa-masa akan datang.

Sokongan pihak media melalui penulisan artikel dan liputan berkaitan Putrajaya adalah merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan program sekali gus menaikkan imej PPj selaku pihak berkuasa tempatan di Putrajaya.



PPj Anjur Program Tuisyen Buat 90 Pelajar SPM 2023

Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan sebuah program tuisyen khusus buat pelajar yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 bagi mengelak anak-anak Putrajaya tercicir daripada mendapat pendidikan yang sempurna.

Penganjuran Program Tuition Mission Putrajaya adalah bertujuan untuk memberi akses kemudahan pendidikan yang baik buat pelajar-pelajar SPM. Telah dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2021, penganjurannya membuahkan impak yang positif berdasarkan keputusan SPM tahun 2022 di mana 98.26 peratus peserta daripada Program Tuition Mission Putrajaya 2022 telah layak menerima sijil SPM.

Untuk tahun 2023, seramai 90 orang pelajar daripada sembilan buah sekolah menengah di Putrajaya telah terpilih sebagai peserta Program Tuition Mission Putrajaya 2023. Barisan tenaga pengajar pula terdiri daripada 16 orang guru berpengalaman merangkumi empat subjek teras SPM iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.



Program yang menasaskan penyertaan pelajar daripada golongan kurang berkemampuan ini turut mengetengahkan objektif utama untuk meningkatkan potensi diri ke arah kecemerlangan lebih holistik. Sebelum kelas Tuition Mission Putrajaya 2023 bermula, para peserta program terlebih dahulu akan mengikuti sesi ice breaking dan seterusnya sesi motivasi 'Perkampungan Ilmu' dalam usaha meningkatkan keyakinan diri mereka.

Selain daripada pembelajaran di dalam kelas, PPj juga akan mengadakan aktiviti-aktiviti di luar kelas seperti Explorace Tuition Mission Putrajaya dan Lawatan Menara Gading ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang terpilih.

Dalam pada masa sama, Kelas Tuition Mission Putrajaya dilaksanakan secara fizikal berpusat di Kompleks Kejiranan Presint 16. Kelas dijadualkan pada hujung minggu setiap bulan bermula pada 22 Julai 2023 sehingga 6 Januari 2024. Program tersebut diharap dapat membantu pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan SPM.



Hiking Denai Semula Jadi Di Taman Rimba Alam



Perbadanan Putrajaya (PPj) menghidupkan kembali Taman Rimba Alam, Presint 15, Putrajaya dengan perasmian laluan jelajah (hiking trail) sebagai usaha untuk memaksimumkan pengalaman pelancong ke Putrajaya.

Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud berkata terdapat satu laluan baharu berkonsepkan jelajah denai semula jadi telah dibangunkan bagi membolehkan pengunjung terutama pada mereka yang menggemari aktiviti hiking merasai pengalaman baharu semasa menjejaki kawasan denai, pokok-pokok hutan, kawasan arboretum dan kawasan tadahan air.

Laluan jelajah yang baru dibangunkan ini sesuai untuk pelbagai peringkat umur yang sukakan pengalaman suasana hutan dan ia juga sesuai buat mereka yang baru menceburi aktiviti hiking memandangkan jaraknya hanya 1.5 kilometer dengan tahap kesukaran yang sederhana.

Pelbagai aktiviti rekreasi boleh dilakukan di taman itu seperti berjoging, brisk walk, berbasikal, treasure hunt, orienteering, lawatan berpandu, aktiviti memerhati burung, berkelah dan aktiviti penghayatan alam semula jadi.

Terdapat empat laluan jelajah yang telah disediakan kepada pengunjung di Taman Rimba Alam. Pengunjung yang melalui laluan tersebut dapat menghayati keindahan pelbagai spesies pokok-pokok hutan hujan tropika yang terdiri daripada cengal, meranti merah dan buah-buahan asli tempatan.

Selain itu, pengunjung bukan sahaja dapat menghayati suasana hutan hujan tropika malah mereka juga diberi pendedahan

dengan nama-nama pokok terdiri daripada pelbagai spesies yang terdapat di taman tersebut. Antara kemudahan yang disediakan di taman ini kepada pengunjung adalah pavilion sebagai tempat berkumpul, tandas awam, kemudahan tempat letak kereta, tong sampah, papan tanda informasi, peta laluan, tempat duduk dan sebagainya. Tempahan sewaan tapak bagi penganjuran program dan aktiviti turut dibuka kepada orang ramai.

Taman Rimba Alam yang mempunyai keluasan sebanyak 165 hektar serta terletak di antara Presint 14 dan 15 Putrajaya menempatkan kepelbagaian spesies hutan hujan tropika (sebahagian besar hutan adalah daripada spesies pokok hutan tanah pamah dipterokap). Taman ini berkonsepkan hutan bandar dengan menggabungkan ekosistem hutan tropika, sungai yang mengalir, denai alam semula jadi, kawasan pemandangan dan sebagainya.

Lebih menarik, para pengunjung berpeluang mengenali lebih 400 spesies pokok hutan teal dengan jumlah pokok yang telah ditanam melebihi 95,000 batang pokok.



Sambutan Hari Pahlawan 2023



Persembahan pantomim yang diadakan sempena Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Pahlawan 2023 mencetuskan suasana sedih, sayu dan pilu dalam kalangan tetamu yang hadir di Dataran Pahlawan, Putrajaya, Presint 1.

Pantomim hasil karya Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Hazani Ghazali itu mengisahkan tragedi pada hari kedua pencerobohan pengganas Sulu di Kampung Air Simunul pada 2 Mac 2013 selepas serangan berlaku di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah.

Suasana sedih dan pilu terserlah di wajah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta beberapa tetamu kehormat lain ketika menyaksikan persembahan pantomim itu.

Persembahan bertajuk Op Daulat Kampung Simunul membabitkan kira-kira 150 pegawai dan anggota polis itu turut jiwa waris mangsa yang terkorban dalam insiden berkenaan.

Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah turut berkenaan mencemar duli menyantuni ahli keluarga enam pegawai dan anggota polis yang terkorban ketika menyertai Op Daulat, di Kampung Simunul, Sabah.

Balu dan waris terbabit mewakili enam wira yang gugur iaitu Asisten Komisioner Ibrahim Lebar, Sarjan Mejar Baharin Hamit, Sarjan Mejar Abd Azis Sarikon, Koperal Mohd Azrul Tukiran, Sarjan Salam Togiran dan Deputy Superintendan Michael Padel. Wira-wira yang gugur tersebut adalah dari Cawangan Khas, Pasukan Gerakan Am, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah dan Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri berangkat ke Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Pahlawan 2023 di Dataran Pahlawan Negara.

Istiadat sambutan Hari Pahlawan anjuran Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkonsepkan perbarisan statik dengan pembabitan enam detasmen terdiri daripada PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM), pesara serta bekas anggota polis.

Acara dimulakan dengan lagu Negaraku yang diiringi 21 das tembakan meriam disempurnakan oleh anggota ATM diikuti pemeriksaan kawalan kehormatan utama oleh Al-Sultan Abdullah. Perbarisan Hari Pahlawan 2023 membabitkan 18 pegawai dan 652 anggota lain-lain pangkat daripada PDRM dan ATM yang diketuai oleh Superintendan Mohd Rezuhan Juragan.

Turut hadir, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamad Hassan dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. Hadir sama Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain.

Istiadat kemudian diteruskan dengan tiupan Paluan Akhir yang dengan menurunkan Jalur Gemilang. Hari Pahlawan disambut pada setiap 31 Julai setiap tahun yang juga antara usaha dan keprihatinan kerajaan dalam mengenang jasa perwira tanah air yang gugur ketika mempertahankan kedaulatan negara.

Kali terakhir istiadat Perbarisan Hari Pahlawan diadakan pada tahun 2018 berikutan istiadat itu tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2019 akibat keadaan jerebu teruk melanda negara ketika itu. Pada tahun 2020 dan 2021, istiadat berkenaan juga tidak dapat dilaksanakan berikutan pandemik Covid-19.



308kg UBC Berjaya Dikumpul Sempena Mini Karnival CAREton@Putrajaya 2023

Sebanyak 308 kilogram (kg) kotak minuman terpakai (UBC) berjaya dikumpul menerusi Pertandingan Pengumpulan Kotak Air Minuman Terpakai antara sekolah di sekitar Putrajaya yang diadakan baru-baru ini.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, pertandingan tersebut adalah bersempena Mini Karnival CAREton@Putrajaya 2023 di mana ia melibatkan lapan buah sekolah rendah dan tujuh sekolah menengah di sekitar Putrajaya.

Karnival tersebut merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan bagi Program CAREton@Putrajaya yang merupakan salah satu program di bawah skop tumpuan keenam iaitu pengurusan sisa pepejal dalam pelaksanaan inisiatif Bandar Hijau Putrajaya. Justeru itu, satu pertandingan pengumpulan UBC antara sekolah di sekitar Putrajaya telah dianjurkan pada 21 Jun sehingga 13 Julai 2023.

Sebanyak 15 sekolah telah dinobatkan

sebagai pemenang di mana mereka turut menerima sijil dan hadiah iringan hamper tajaan Nestle Malaysia. Bagi kategori sekolah rendah telah dimenangi oleh Sekolah Rendah (SK) Putrajaya Presint 15(1) dengan jumlah berat sebanyak 66kg manakala johan bagi sekolah menengah adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putrajaya Presint 14(1) dengan berat 49kg. Masing-masing berjaya membawa pulang wang tunai RM500, tempat kedua menerima RM400, ketiga (RM300), keempat (RM200) dan kelima (RM150) manakala tempat keenam dan seterusnya (RM100).

Antara tujuan penganjuran mini karnival tersebut adalah bagi mempromosi inisiatif kitar semula UBC dalam kalangan generasi muda. Selain itu, program ini juga akan memberi pendedahan berkenaan penghasilan produk berasaskan teknologi hijau iaitu papan PolyAl. Program ini turut mendapat kerjasama strategik Syarikat Tetra Pak Malaysia, Nestle Milo UHT Malaysia dan Alam Flora Sdn Bhd.



800 Peserta Warnai SHERUN Putrajaya 2023



Seramai 800 peserta memeriahkan SHERUN Putrajaya 2023 (SRN23) yang diadakan di Taman Botani, Putrajaya. SRN23 merupakan acara larian santai khusus untuk kaum wanita dan merupakan anjuran Four Low Events dengan kerjasama PPj.

SHERUN mula dianjurkan pada tahun 2019 di Taman Wetland, tahun 2020 (Taman Wawasan) dan pada tahun 2023 di Taman Botani, SRN23 menampilkan tema fantasy garden bersesuaian dengan reka bentuk landskap yang menarik di lokasi acara dan juga di sepanjang laluan larian. Larian ini mengetengahkan kategori fun run dengan jarak laluan sejauh lima kilometer.

Majoriti peserta terdiri dalam kalangan kaum wanita yang baru berjinak-jinak dalam aktiviti larian serta mereka yang ingin meluangkan masa hujung minggu bersama

keluarga dengan menyertai aktiviti sihat dan menyeronokkan.

Lebih menarik, pada acara kali ini, para peserta tampil dengan pelbagai kostum unik dan feminin meskipun perlu berlari atau berjalan sehingga ke garisan penamat. Bagi menghargai kesungguhan para peserta, kostum paling menarik turut dipilih bagi kategori best dress untuk kanak-kanak dan dewasa.

Selain larian, beberapa acara lain turut diadakan antaranya termasuk sesi senaman ringan atau zumba, persembahan muzik serta booth jualan dan promosi. SRN23 turut menerima penyertaan peserta lelaki yang berlari bersama pasangan masing-masing sebagai pacer.



Perlumbaan EcoTrail : Lari Sambil Kenali Warisan & Budaya

EcoTrail Putrajaya: A Green Race From Europe To Malaysia yang merupakan acara perlumbaan larian denai terbesar dan unik telah diadakan di Taman Botani.

Menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), larian tersebut menggabungkan elemen pelancongan sukan, pembangunan mampan serta tanggungjawab terhadap alam semula jadi.

EcoTrail adalah gabungan perlumbaan larian sihat di samping memberi peluang kepada para peserta untuk mendekatkan diri dengan warisan semula jadi dan budaya sesebuah bandar.

Pemilihan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai lokasi acara adalah kerana pusat pentadbiran itu merupakan bandar ultra moden yang masih dikelilingi dengan taman-taman alam semula jadi. Ini juga memberi peluang untuk Putrajaya menonjolkan kelebihan dan keindahannya sekali gus mempromosikannya sebagai lokasi pelancongan.

Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada para peserta untuk melihat Putrajaya daripada pelbagai sudut dan perspektif. Perlumbaan EcoTrail telah diperkenalkan di bandar Paris, Brussels, Reykjavik, Oslo, Putrajaya dan banyak lagi.

Penganjuran pada kali ini berjaya mencatatkan seramai 1,300 peserta

berbanding 900 penyertaan pada tahun 2019. Edisi kedua penganjuran EcoTrail Putrajaya 2023 menyaksikan sebanyak 200 penyertaan dari negara China, Singapura, Belanda, Amerika Syarikat, Filipina, Thailand, Jepun, Indonesia dan banyak lagi.

Perlumbaan ini melibatkan larian sejauh 10 kilometer (km), 30km, 50km dan 80km di mana titik mula dan akhirnya adalah di Taman Botani.





Lawatan Produk Pelancongan Dari Institusi Pengajian Tinggi Australia

Ke Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) mengalunkan delegasi daripada universiti-universiti seluruh Australia yang diketuai oleh Pengarah Pendidikan Malaysia dari Konsulat Malaysia Sydney Australia dengan kerjasama pasukan UITM Global pada Sabtu 9 September 2023 .

Delegasi terdiri daripada wakil-wakil daripada institusi pengajian tinggi "Australian Universities" seramai 25 orang diketuai oleh Dr Fahmi Abdul Rahim, Pengarah Pendidikan Malaysia di Konsulat Malaysia, Sydney Australia.

Delegasi telah disambut oleh Puan TPr. Norzita Abdul Razak, Pengarah Komunikasi Korporat PPj yang turut menyampaikan taklimat pelancongan Putrajaya. Turut hadir Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman Timbalan Naib Chanselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Mara dan pasukan UITM Global, Prof Mushtaq Al Atabi Ketua Pegawai Eksekutif Herriot Watt Universiti Putrajaya dan En Noor Azman Shamsudin, Tourism Malaysia.

Selepas sesi taklimat mengenai produk pelancongan Putrajaya, delegasi turut dibawa mengelilingi Tasik Putrajaya dengan menaiki Cruise Tasik Putrajaya. Kemudiannya

delegasi dibawa melawat Wetland Studios dan disambut dengan tarian selamat datang.

Di Taman Wetland, delegasi disambut oleh Pengarah Operasi Taman PPj Encik Haris Kassim dan Dato Norman Hakim, Presiden KRU Entertainment bagi pihak Wetland Studios Putrajaya.

Semoga dengan promosi menerusi delegasi ini akan membantu meningkatkan promosi Putrajaya sebagai destinasi negara ini yang mesti dilawati.





Karnival Komuniti Dan Pesta Air Putrajaya 2023



ramai pengunjung. Program ini dianjurkan bertujuan mengukuhkan integrasi sosial dalam kalangan penduduk Putrajaya selain mengeratkan lagi jalinan hubungan baik antara PPj sebagai pihak berkuasa tempatan.

Selain itu, PPj juga mahu mempromosikan tasik Putrajaya sebagai lokasi utama acara-acara sukan air di dalam atau luar negara. Putrajaya terkenal sebagai destinasi dan pusat tumpuan utama acara khususnya berskala mega malah pelbagai acara dan aktiviti telah dirangka sepanjang tahun 2023 ini.

Program ini turut mendapat kerjasama dan sokongan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP), Bank Islam Malaysia Bhd, Koperasi Perbadanan Putrajaya dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Lebih dari 60 aktiviti termasuk pelbagai sukan air dan darat dianjurkan sempena Karnival Komuniti dan Pesta Air Putrajaya di di Kompleks Futsal Presint 18 bermula dari 22 September hingga 24 September 2023.

Karnival tahunan pada tahun ini adalah penganjuran terbesar berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana ia menggabungkan karnival sukan komuniti dan sukan air secara serentak.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' Fadlun bin Mak Ujud, antara program lain dianjurkan termasuk jualan usahawan komuniti, kejohanan sukan piala presiden, Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat dan Kejohanan Sukan Piala Presiden (KSPP). Turut dilangsungkan adalah pertandingan kayak, pertandingan mewarna, tarian, perahu panjang, mereka bentuk lego, bicara berirama, sukan tradisional dan rewang komuniti.

Pada tahun ini dengan sokongan rakan-rakan strategik, kedua-dua acara ini membuat kemunculan semula dalam satu lokasi acara bagi menarik lagi lebih



PPj Promosi Produk Pelancongan Ke Pasaran Oceania



Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menyertai Misi Jualan Pakej Pelancongan anjuran Tourism Malaysia yang diadakan di tiga buah bandar utama Oceania iaitu Auckland, New Zealand, Sydney serta Melbourne, Australia.

Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun Mak Ujud berkata, PPj telah mengambil bahagian dalam sesi Business to Business (B2B), taklimat destinasi dan makan malam rangkaian sepanjang misi jualan di sekitar tiga bandar utama tersebut.

Misi jualan dimulakan dengan sesi B2B bersama 68 pemain industri bertempat di Movenpick Hotel Auckland, New Zealand di mana reruai PPj menjadi tumpuan bagi pemain industri yang berminat untuk mendapatkan maklumat tentang pakej-pakej pelancongan yang terdapat di Putrajaya.

Lokasi seterusnya adalah di Sheraton Grand Hotel Sydney, Australia dengan penglibatan seramai 100 orang terdiri daripada syarikat pengusaha pelancongan Australia yang menyatakan minat untuk jaringan kerjasama pelancongan ke Putrajaya. Program tersebut diadakan selama empat hari bermula 28 Ogos hingga 31 Ogos 2023 di mana lokasi misi jualan yang terakhir diadakan di Hotel The Langham, Melbourne, Australia.

Selain sesi B2B, delegasi PPj turut dijemput untuk menyertai acara Malaysia Breakfast Day sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023 anjuran Jeneral Konsulat Malaysia di Melbourne. Selain PPj, delegasi diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, Datuk Musa Yusof selain pengendali pelancongan Malaysia, pengusaha hotel, badan pelancongan negeri dan pemain industri pelancongan perubatan.

Antara tujuan siri jelajah tersebut adalah untuk menarik lebih ramai pelancong dari Australia selain mewujudkan perkongsian yang berpotensi untuk mengukuhkan rangkaian dalam kalangan pemain industri.

Program tersebut turut mengetengahkan produk ekopelancongan terbaharu Malaysia termasuk lapan geopark negara, pelancongan berasaskan komuniti, produk khusus seperti berbasikal dan segmen khas seperti pelancongan perubatan. New Zealand dan Australia adalah antara sasaran pasaran jarak jauh yang berpotensi meningkatkan statistik kemasukan pelancong ke Putrajaya khususnya.

Pada tahun 2022, Malaysia mengalu-alukan ketibaan 18,238 pelancong dari New Zealand. Pada masa ini terdapat lapan penerbangan terus secara mingguan dari Auckland ke Malaysia melalui Malaysia Airline. Batik Air juga baru-baru ini melancarkan penerbangan sulungnya dari Auckland ke Malaysia melalui Perth yang kini menawarkan enam penerbangan terus mingguan.

Manakala bagi Australia, Malaysia mencatatkan seramai 152,265 ketibaan pelancong pada tahun 2022 di mana ketika ini terdapat sebanyak 234 penerbangan terus secara mingguan dari Australia ke Malaysia melalui Malaysia Airlines, Air Asia X dan Batik Air," ujar beliau.

PPj membawa misi untuk memperkenalkan Putrajaya sebagai destinasi wajib lawat di samping turut memperkenalkan produk pelancongannya seperti Wetland Studios Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya, Putrajaya Story, Souq Shoppe, taman-taman awam, hotel-hotel Putrajaya dan kebun komuniti.





Festival Budaya Putrajaya 2023

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) memastikan inisiatif dan strategi yang berterusan bagi mempromosikan destinasi dan produk-produk pelancongan, seni dan budaya yang menarik.

Menterinya, Datuk Seri Tiong King Sing berkata, penganjuran Festival Budaya Putrajaya 2023 merupakan contoh yang menonjolkan Putrajaya bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran, tetapi sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai landskap dan persekitaran menarik, selain seni bina bangunan yang unik dengan identiti tersendiri.

Dalam pada itu, tugas utama MOTAC bukan sahaja untuk menarik pelancong dan mempromosi sektor pelancongan tetapi turut menekankan pentingnya mempromosi kebudayaan dan kesenian Malaysia.

Perpaduan dapat dicapai melalui kebudayaan dan seni seperti dalam tarian dan muzik yang memerlukan kerjasama dalam satu pasukan. Tanpa kerja berpasukan, sesebuah tarian atau alunan muzik itu tidak dapat dipersembahkan dengan baik.

Festival yang diadakan buat julung kali ini turut menyaksikan catatan dalam Malaysia Book of Records menerusi penganjuran Konsert Mega Dikir Barat dan Paluan Rebana berskala antarabangsa pertama diiringi Orkestra Tradisional Malaysia.

Program selama empat hari bermula dari 28 September sehingga 01 Oktober 2023

dibawakan oleh MOTAC dengan kerjasama rakan strategik Perbadanan Putrajaya dan Istana Budaya yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri turut menzahirkan penghargaan dan memuji penganjuran acara tersebut dan mencadangkan agar festival yang diadakan buat julung kali ini dimasukkan dalam kalendar MOTAC sebagai acara tahunan negara.

Lima segmen persembahan yang dipertontonkan kepada pengunjung yang hadir meliputi paluan buka panggung dan bertabuh, persembahan lagu Jogho, battle tukang karut, lagu rampaian serta Dikir Kreasi diiringi oleh 230 pemain rebana dan 200 awak-awak.

Selain daripada itu, antara yang turut menarik perhatian adalah penganjuran Co ee Republic dengan penglibatan 70 gerai pelbagai jenama kopi dan menu pilihan juadah, pertandingan barista Latte Art dan pertandingan kopi tarik.

